

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2018/2019
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Sehubungan itu, mahasiswa/i yang terlibat dan akan menduduki peperiksaan berkenaan (calon) dipohonkan untuk mengambil perhatian berikut:

1. Peperiksaan Semester II Sesi 2018/2019 akan diadakan **bermula 29 April 2019 hingga 13 Mei 2019**.
2. Peperiksaan akan dijalankan dalam 2 sesi (pagi/petang)
 - Sesi Pagi: (8.30-10.30/11.30 pagi) 2/3 jam tertakluk kepada kredit kursus
 - Sesi Petang: (2.15-4.15 petang) 2 jam.
 - Sesi Petang semasa Bulan Ramadhan: (12.30-2.30 petang) 2 jam.**
3. Peperiksaan yang dijadualkan pada 6/7 Mei 2019 adalah tertakluk kepada cuti awal Bulan Ramadhan 1440H.
4. Calon adalah dikehendaki untuk membawa bersama Slip Pendaftaran Peperiksaan/Penilaian Akhir (SPPA) semasa menghadiri peperiksaan. Hanya kursus yang tersenarai di dalam SPPA sahaja yang dibenarkan untuk diduduki dalam peperiksaan. Mana-mana calon yang gagal menghadapkan SPPA semasa peperiksaan boleh tidak dibenarkan menduduki/memasuki dewan peperiksaan.
5. Jadual Rasmi Peperiksaan: ([klik untuk Jadual Peperiksaan Akhir Semester II Sesi 2018/2019](#)). ([Kemaskini Perubahan Jadual pada 8 & 9 Mei 2019](#))
6. Calon yang tidak hadir peperiksaan dikehendaki untuk:
 - 6.1. Memaklumkan kepada Pendaftar, Fakulti/Pusat program & Bahagian Hal Ehwal Akademik.
 - 6.2. Makluman hendaklah dibuat dengan mengisi borang tidak hadir peperiksaan dan permohonan menduduki peperiksaan khas dengan menyertakan surat makluman bertulis yang ditujukan kepada Pendaftar bersama dokumen lain yang berkaitan. ([Klik untuk muat turun borang tidak hadir peperiksaan](#))

Sekian dimaklumkan.